

## Keunikan Songket Terengganu Warisan Tradisional Melayu

Intan Syazwani Saidin  
Norazihah Manan  
Nik Azliza Nik Ariffin  
Mohd Zairul Masron

**Fakulti Pengurusan Maklumat**  
**UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

### *Abstrak*

*Malaysia terkenal dengan kepelbagaian budaya dan warisan yang kaya dengan seni dan warisan yang unggul di mata dunia. Tenunan songket adalah salah satu kraf lama yang masih popular hingga ke hari ini. Songket adalah kain yang ditenun dengan menggunakan benang sutera atau kapas, dan benang logam yang ditenun untuk membentuk motif songket. Songket adalah sinonim dengan masyarakat Melayu dan warisan ini perlu dikekalkan sepanjang zaman. Sehingga hari ini, masih terdapat ramai penenun songket yang menghasilkan songket berkualiti bagi golongan bangsawan, golongan kehormat, dan menteri untuk digunakan pada upacara khusus. Antara negeri yang masih mengekalkan warisan songket adalah Terengganu. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti asal-usul songket Terengganu, untuk mengenalpasti cara dan teknik pembuatan songket Terengganu dan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi dalam proses pembuatan songket Terengganu.*

Kata Kunci: Songket, motif songket, Corak songket, Terengganu.

### **Pengenalan Songket Terengganu**

Seni dan budaya di alam Melayu merupakan bidang ilmu yang menarik untuk dibuat kajian kerana ketinggian dan kekukuhan tamadunnya yang sudah lama bertapak. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada aspek ini lazimnya

hanya dipertuturkan secara lisan tanpa pendokumentasian sewajarnya yang memungkinkan segala fakta berkenaan seni dan budaya Melayu itu dikhuatiri lenyap begitu sahaja (Arba'iyah Abd Aziz, 2018).

Kaum Melayu terkenal dengan adat, warisan dan tradisinya yang tersendiri dan salah satunya adalah kain songket. Songket merupakan sejenis kain tradisi yang sangat popular pada masa dahulu bahkan songket bukan satu nama yang asing dalam dunia tekstil, namun begitu wujud segelintir golongan muda pada zaman sekarang yang mungkin tidak tahu akan kewujudan songket kerana terpengaruh dengan arus fesyen yang makin berkembang.

Menurut Wan Manang (2019), yang merupakan salah seorang pengusaha dan penenun terkenal di Terengganu, 90% songket Terengganu telah menjadi pilihan utama kepada pengguna terutama golongan bangsawan kerana keaslian yang dipelihara serta keindahan corak dan motif yang tersendiri.

### **Asal-usul Songket Terengganu**

Songket adalah satu proses menarik benang atau membawa keluar benang daripada kain atau proses tenunan yang melibatkan penggunaan benang-benang hias seperti benang emas, benang perak, benang metallic yang pelbagai warna di permukaan kain yang dinamakan kerja-kerja menyongket. Songket berasal daripada perkataan "**Nyungkit**" atau menyungkit yang bermaksud, penghasilan ragam hias pada sehelai kain songket dengan menarik benang loseng yang telah diikat pada celah-celah lidi dan mengeluarkan lidi-lidi tersebut daripada benang.

Terdapat beberapa jenis songket yang digemari oleh orang ramai, antaranya songket Terengganu yang dahulunya popular dengan tenunan ikat limar. Berdasarkan keratan akhbar yang ditulis oleh Norhafzan Jaafar (2017), tenunan ikat limar merupakan antara tenunan yang sangat digemari suatu masa dahulu. Namun, ianya ditelan zaman pembangunan fesyen pada masa sekarang. Ramai golongan muda yang tidak mengetahui akan kewujudan ikatan kain limar.

Kain limar terdiri daripada benang sutera dan penghasilannya menggunakan teknik tertentu. Oleh kerana itu lah, kainnya menjadi lebih bermutu dan kualiti tinggi menjadikan ianya pilihan para bangsawan untuk dipakai. Terdapat beberapa jenis kain ikat limar iaitu kain ikat limar biasa, limar ikat loseng, limar pelangi, ikat limar bersongket, ikat limar tenggarun, ikat limar telepuk, dan ikat limar bersurat (Md. Nawawi, 2018).

Pengguna pada masa sekarang perlu lebih berhati-hati dalam memilih songket Terengganu asli kerana begitu banyak songket tiruan di pasaran. Umum mengetahui songket tiruan semestinya songket import dari India dan juga China yang dijual di pasaran dengan harga yang lebih murah berbanding dengan songket asli. Tetapi kehalusan pembuatan songket tersebut tidak mampu mengaburi mata pengguna songket kerana kebiasaan pengguna songket mengetahui yang mana songket asli atau songket tiruan tetapi langkah berjaga-jaga perlu diambil bagi mengelakkan ditipu oleh penjual sendiri yang hanya mengutamakan keuntungan semata-mata. Hal ini kerana, songket Terengganu diperbuat dari benang yang bermutu serta proses tenunan yang halus serta berseni disertakan corak atau motif Songket yang unik serta cantik untuk dipakai oleh si pemakai (Wan Manang, 2019).

### **Corak dan motif Songket Terengganu**

Songket menjadi lebih unik apabila terdapatnya corak atau motif pada atas kain tenunan. Corak dan motif seakan benda yang sama tetapi yang membezakannya adalah bentuk yang dihasilkan pada tenunan songket. Corak berpandukan bentuk objek manakala motif pula melibatkan bentuk dari flora ataupun fauna (Wan Manang, 2019). Corak objek adalah seperti corak bunga kenanga, corak bunga raya, corak pucuk rebung. Bukan itu sahaja, corak berbentuk abstrak seperti corak melintang atau corak penuh juga wujud dan biasanya corak penuh dipakai oleh golongan bangsawan seperti raja dan sultan manakala corak berdiri biasanya untuk pembesar negara dan corak tabur untuk orang kebiasaan dalam istana. Golongan perempuan juga menggemari corak tabur kerana corak tersebut corak yang sesuai untuk dipakai di mana-mana majlis seperti menghadiri majlis perkahwinan. Secara umumnya, corak kontemporari

iaitu corak yang berbunga, berdaunan dengan pelbagai warna menjadi kegemaran semua lapisan masyarakat (Ramlah, 2017).

Motif biasanya diilhamkan daripada pemerhatian objek yang ada pada alam semulajadi dan juga dipersekitaran. Setiap motif mempunyai makna tersendiri dan falsafah yang tersirat. Menurut Ramlah, (2017) songket Terengganu mengutamakan motif berlandaskan motif flora dan fauna. Motif seperti motif binatang biasanya dielakkan dan kurang digemari. Antara contoh motif yang popular adalah seperti motif tampuk manggis, kerana keunikan seni yang ada pada tampuk manggis serta pewarna semulajadi dari kulit manggis yang boleh diguna pakai untuk songket. Bukan motif tampuk manggis sahaja yang popular, bahkan motif awan larat juga menjadi pilihan yang digemari. Motif ini terhasil dan diilhamkan oleh penenun dari kelompok awan yang berarak dan oleh kerana bentuk yang terhasil daripada awan itu kelihatan menarik dan sesuai lalu diterapkan menjadi salah satu motif pada songket oleh penenun.

Menurut buku yang ditulis oleh Halimaton Abdul Shukor (2009), motif identiti utama songket Terengganu yang dihasilkan adalah motif pucuk rebung. “Rebung” merupakan salah satu perkara yang dekat dengan masyarakat Melayu bahkan ada perumpamaan,

*“Melentur buluh biar dari rebungnya”.*

Rebung membawa makna tentang pendidikan yang perlu diterapkan dari kecil oleh orang tua dan kerana bentuknya yang agak menarik dijadikan salah satu motif yang biasanya digunakan pada kepala kain songket (Halimaton Abdul Shukor, 2009).

Kemahiran dan kreativiti yang tinggi amat diperlukan oleh seorang penenun, menariknya penghasilan motif dan corak songket oleh penenun yang sudah mahir tidak perlu dilakar terlebih dahulu di atas kertas sebelum kerja-kerja menenun dilakukan, sebaliknya mereka hanya menggunakan kreativiti dan imaginasi yang tinggi semasa penghasilan corak dan motif songket (Ramlah, 2017).

**Bahagian kain songket**

Menurut Wan Manang (2019), kain songket terdiri daripada kain sarung dan kain sampin dan terbahagi kepada tiga bahagian antaranya badan kain, kepala kain, dan tepi kain. Kepala kain terletak di bahagian tengah kain songket, badan kain terletak di bahagian kiri dan kanan kain, manakala tepi kain terletak di bahagian atas dan bawah kain songket.

Setiap bahagian kain sarung telah direka bentuk dengan pelbagai corak dan motif. Menurut Wan Manang (2019), bagi pemakai kain sarung kepala kain mestilah diletakkan di bahagian belakang si pemakai, kerana kepala kain adalah bahagian utama dan melambangkan nilai sebenar kain songket itu sendiri. Manakala tepi kain akan diletakkan di bahagian atas dan bawah dah mestilah seimbang kepada pemakai dan badan kain selalunya mempunyai corak yang mudah dan lebih menonjol berbanding dengan tepi kain yang selalunya motifnya lebih terperinci yang diilhamkan dari sumber alam flora dan fauna seperti motif bunga kerawang.

**Cara pembuatan Songket Terengganu**

Pembuatan songket terbahagi kepada dua iaitu pembuatan tradisional atau dengan menggunakan mesin. Menurut keratan akhbar Utusan Online yang ditulis oleh Siti Airunnisa Alai (2017), terdapat pembuatan songket yang menggunakan tenun mesin dengan menggunakan sejenis peralatan iaitu mesin tenun Jacquard elektronik yang boleh mengawal sehingga 7,200 helaian benang pada satu masa. Tetapi sudah pasti kehalusan seni pembuatannya tidak akan sama dengan tenunan secara tradisional. Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain, begitu lah boleh diumpamakan dalam pembikinan tenunan secara tradisional kain songket Terengganu. Tempoh masa yang diambil untuk menyiapkan tenunan songket Terengganu memakan masa yang agak lama memandangkan tidak menggunakan mesin tetapi menggunakan peralatan tradisional dan tenaga manusia tetapi ianya berbaloi kerana menghasilkan satu kain songket yang mempunyai nilai kehalusan seninya yang tinggi dan tersendiri.

Berdasarkan Wan Manang (2019), kebiasaannya masa yang diambil untuk menghasilkan songket memakan masa dalam dua hari untuk lima helaian kain songket Terengganu tetapi tempoh ini dipengaruhi juga pada kerumitan corak dan motif serta penggunaan beberapa warna terhadap kain songket Terengganu. Dalam pembikinan songket Terengganu, penggunaan bahan seperti benang sutera, benang metalik, benang kapas dan benang *polyester* digunakan. Bahan tersebut boleh didapati di kedai-kedai di Kuala Terengganu dan sebahagian bahan ditempah dari Negara China atau Jepun.

### **Teknik dan proses Songket Terengganu**

Terdapat lapan teknik atau proses yang terlibat dalam menghasilkan kain Songket secara tradisional. Sebelum memulakan proses, benang hendaklah diwarna terlebih dahulu dengan mencelup benang seperti penggunaan benang sutera putih, dicelup dalam pewarna yang dikehendaki. Pewarna biasanya menggunakan warna dari bahan semulajadi seperti pewarna yang dihasilkan dari penggunaan sabut untuk mendapat warna koko dan bunga tahi ayam untuk warna oren. Warna dari bahan semulajadi ini lama kelamaan akan sedikit luntur tetapi tempoh ketahanan warna sedikit lama jika pewarna dicampur dengan bahan pemat warna dan jika Songket dijaga dengan penjagaan songket dengan cara yang betul. Penyediaan sebelum mewarna benang adalah dengan memasak pewarna dan air panas sehingga mendidih kemudian perlu disejukkan dan benang akan dicelup. (Wan Manang, 2019).

Setelah itu proses melerai dilakukan. Dalam proses ini, terdapat beberapa peralatan yang terlibat iaitu, rahak, mata rahak, darwin, kaki rahak dan yang paling utama adalah peleting. Peleting digunakan untuk melerai benang dan benang akan diletak pada alat penganing benang yang kering akan dimasukkan ke dalam sejenis alat bernama rahak untuk diputarkan pada satu alat bernama peleting.

Kemudian proses menganing akan dilakukan di mana proses mengukur benang yang dilerai tadi untuk menentukan berapa meter bidang kain songket, dalam proses menganing, terdapat tiga peralatan sahaja yang digunakan iaitu dawai, gunting dan paling utama rumah aniang digunakan.

Selesai proses menganing, proses menggulung benang yang dianing pada papan gulung akan dilakukan untuk diletak atas kek tenunan, alat tenunan tradisional. Anak kayu, belira kecil, papan gulung, gunting dan pensil diperlukan dalam proses ini. Setiap proses perlu dipastikan benang diperiksa sekata semasa proses menggulung supaya benangakansentiasa berada pada landasan yang betul (Halimaton Abdul Shukor, 2009).

Seterusnya, proses menyampuk yang melibatkan peralatan seperti gigi jentera, jarum menyampuk, anak kayu serta belira. Proses ini adalah menghantar helaian benang ke celah gigi jentera. Proses ini perlu berhati-hati untuk mengelakkan tertinggalnya sebarang lubang yang harus dimasukkan benang. Jika benang yang sedia ada sudah habis atau tidak mencukupi, proses menghubungkan akan dilakukan untuk menghubungkan kepada benang yang baru. Ikatan ubun tindaskan digunakan untuk memastikan benang yang dihubung tidak terputus. Selesai itu, proses mengarak dilakukan bagi mengasingkan benang yang ada pada bahagian atas serta bawah benang loseng. Proses ini menggunakan belira kecil, anak geliging nibong, kayu sandal, papan karat dan jarum puli (Halimaton Abdul Shukor, 2009).

Kemudian proses menyolek atau menyongket akan dilakukan. Menyolek adalah proses yang paling rumit dalam pembuatan kain Songket Terengganu kerana corak dan motif akan ditekap pada kain songket tetapi hanya menggunakan dua peralatan sahaja iaitu lidi dan belira. Terdapat dua kategori dalam proses ini iaitu tekat halus atau tekat kasar atau juga dipanggil cengkam halus atau cengkam kasar. Kebiasaannya tekap halus akan digunakan kerana tekap halus akan menghasilkan corak atau motif yang kecil, halus, rapat dan cantik. Proses ini haruslah dilakukan dengan tekun, teliti fokus kerana kesilapan menghasilkan corak atau motif yang dikehendaki boleh terjadi dan hasilnya tidak sempurna. Proses menenun adalah proses yang terakhir dimana benang loseng akan dipangkah pada benang pakan mengikut corak atau motif yang telah dilakukan semasa proses menyongket sehingga terhasil sehelai kain songket.

Keseluruhan proses menenun melibatkan peralatan seperti kek tenunan, belira, torak, kayu pijak karat dan gigi jentera.

**Kegunaan Songket**

Dari segi kegunaan songket pula, menurut Wan Manang (2019), kegunaan songket pada zaman dahulu merupakan pakaian kaum bangsawan yang melambangkan kebesaran dan kedudukan. Kini, kain songket digunapakai oleh seluruh lapisan masyarakat, khususnya kaum Melayu. Kain songket dapat digunakan sebagai sut pengantin, pakaian penari tradisional, pakaian bagi majlis rasmi, perhiasan, jubah konvokesyen dan kain sarung.

Selain itu, kain songket juga digunakan untuk membuat pelbagai jenis barang seperti sarung kusyen, beg, alas meja serta alas pinggan. Tambahan lagi, kain songket ada juga ditempah khas untuk digunakan sebagai perhiasan dinding. Sekarang, songket tidak hanya digunakan pada upacara keramaian sahaja, tetapi juga sebagai pakaian untuk hari kebiasaan seperti pakaian pejabat (Selvanayagam, 1990). Kini, dengan pemakaian baju melayu pada setiap hari jumaat dapat memperkenalkan lagi penggunaan kain songket dalam kalangan masyarakat melayu.

**Cabaran Songket**

Kain songket asli Terengganu merupakan warisan yang mencerminkan identiti negara, amnya dan warisan bagi rakyat Terengganu. Proses penghasilannya yang rumit dan menggunakan 100% bahan semulajadi menyebabkannya tergolong dalam jenis kain yang mahal dan mewah. Oleh itu, tenunan songket Terengganu merupakan warisan Melayu yang perlu dipelihara sepanjang zaman.

Cabaran besar songket terengganu adalah lambakan songket tiruan dari negara India dan Pakistan yang dijual di negeri Terengganu. Terdapat sesetengah peniaga songket yang tidak memikir kesan pada jangka panjang bahawa tindakan menipu pelanggan dengan mengatakan songket India mereka sebagai songket asli buatan Terengganu. Tindakan mereka bukan sahaja boleh menjatuhkan reputasi songket di Terengganu yang sudah terkenal di serata dunia, malah akan



mengakibatkan warisan songket itu sendiri gagal dipertahankan. Menurut, mantan Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Said (2018) menjelaskan,

*“Jika negeri Terengganu mahu mengekalkan sebagai pengeluar utama songket yang mempunyai harga yang berpatutan, dan peniaga songket mestilah bertanggungjawab tidak membeli dan menjual kepada pelanggan songket tiruan dari negara India”.*

Oleh itu, kesemua peniaga songket perlulah menyedari tentang warisan songket Terengganu yang perlu dilestarikan untuk sepanjang zaman dengan menjual songket asli supaya tidak dicemari oleh lambakan songket tiruan yang dijual secara berleluasa.

### **Perkembangan songket**

Terengganu merupakan sebuah negeri semenanjung Malaysia terkenal dengan sumber alam semula jadi yang sangat indah dan menyegarkan. Di Terengganu, pakaian songket merupakan pakaian yang sangat digemati dalam apa jua bentuk majlis, istiadat dan juga perayaan. Pada awal perkembangan songket zaman dahulu, pakaian songket hanya dapat dilihat sewaktu hari-hari tertentu seperti hari perayaan, perkahwinan, majlis-majlis besar dan yang paling menarik pakaian dalam pesta kebudayaan. Kain songket yang ditunen oleh kebanyakan masyarakat Semenanjung Malaysia terutamanya di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang (Selvanayagam, 1990).

Pada masa dahulu, menenun merupakan salah satu pekerjaan yang amat penting untuk dipelajari terutamanya bagi kaum wanita di negeri Terengganu (Norwani, 1989). Hal ini kerana, wanita pada zaman dahulu telah mereka cipta dan membuat serta menenun pakaian mereka sendiri untuk kegunaan sendiri.

Pada zaman sekarang, kain songket telah berkembang pesat malahan tidak khusus kepada sesuatu acara dan tujuan. Kain songket telah banyak digunakan untuk pelbagai kegunaan antaranya, kain alas meja, pakaian pengantin dan pakaian istiadat konvokesyen.

Menurut Wan Manang, (2019) menyatakan ibu beliau juga turut menceburi bidang tenunan dan telah membuka perusahaan songket, dan dari situ telah menarik minat beliau yang sungguh mendalam demi melestarikan legasi tenunan songket supaya tidak lekang dek zaman. Beliau turut menyatakan bahawa,

*“Selagi mana keturunan melayu tidak akan pupus, selagi itu tenunan dan warisan songket tidak akan dilupakan dan akan digunapakai”.*

Hal ini jelas sekali menyatakan bahawa perkembangan songket tidak akan pupus dan pudar selagi warisan melayu iaitu songket tidak dilupakan.

### **Kesimpulan**

Hasil kajian sejarah lisan menunjukkan bahawa industri kraftangan, terutama songket, adalah warisan yang boleh dipaparkan dan tidak ketinggalan zaman. Ini kerana, setakat ini, masyarakat Malaysia masih menggunakan songket untuk dipakai sebagai pakaian formal terutama melibatkan perayaan. Oleh kerana masih terdapat kebutuhan untuk songket, kerana produksi songket masih diperlukan untuk memenuhi permintaan. Persaingan yang sihat antara pengilang dan usahawan di Terengganu dapat menjadikan industri ini berkembang dan menjadi salah satu tarikan pelancongan di Malaysia.

Songket mempunyai peranan penting dalam memastikan kelestarian seni warisan songket akan berkembang di mana songket akan membantu membawa dalam peningkatan ekomi peribadim meningkatkan peluang seterusnya mampu mengiktiraf songket di peringkat antarabangsa. (Sulaiman Abd Ghani, 2018).

Oleh itu, usahawan sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan jualan mereka melalui jualan dalam talian dan terus melalui butik, kedai dan program yang sesuai. Walau bagaimanapun, kerajaan atau agensi yang terlibat secara langsung dengan industri ini juga perlu meningkatkan usaha untuk mempromosikan songket di seluruh dunia supaya pelancong asing dapat mengetahui keunikan nilai estetika dengan lebih lanjut mengenai songket Malaysia.

**Rujukan**

- Yusop, M. S. (Ed.). (2018, March 9). Dalam ilmu pembuatan songket Terengganu. Diakses pada April 20, 2019, dari [https://umlib.um.edu.my/newscut\\_details.asp?cutid=21944](https://umlib.um.edu.my/newscut_details.asp?cutid=21944)
- Jaafar, N. (2017, January 3). Tenunan ikat limar semakin dilupakan. Berita Harian. Diakses dari <https://www.bharian.com.my>
- Alaui, S. (2017, November 20). Hiasan tenun songket moden. *Utusan Online*. Diakses dari <http://www.utusan.com.my/hiasan-tenun-songket-moden>.
- U. (n.d.). Songket Motif. Diakses dari <https://sigir.uitm.edu.my/songket/about.php>
- Md. Nawawi, P. (2018). Kain Limar Bersongket Warisan Tekstil Tradisional Melayu. 1-15.
- Abdul Shukor, H., Johan, N., & Ibrahim, A. (2009). *Seni Kraf tenunan-Motif dan Teknik*. Rawang, Selangor: Institut Kraf Negara.
- Arba'iyah bt Ab. Aziz (2018). *Symbolisme Dalam Motif Songket Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Selvanayagam, G. I. (1990). *Songket Malaysia's woven*. New York: Oxford University Press Pte. Ltd.
- Sulaiman, A, G (2018) *Weaving with Hope: Royal Tenun Pahang & Songket*. Selangor: Universiti Teknologi Mara.
- Ramlah Latif (2017). *Motif dan pemaknaan songket*. Ditemuramah oleh Wan Rusydi Hamzah & Mohamad Hanafi Abdul Aziz.
- Wan Manang (2019). *Songket Terengganu*. Ditemuramah oleh Intan Syazwani dan Norazihah Manan.

Lampiran



Gambar 1: Menunjukkan bahagian kain sarung songket



Gambar 2: Merupakan proses pertama dalam teknik pembuatan songket iaitu mewarna.



Gambar 3: Merupakan proses kedua iaitu melerai.



Gambar 4: Menunjukkan proses ketiga iaitu menganing.



Gambar 5: Merupakan proses keempat iaitu menggulung.



Gambar 6: Merupakan proses kelima iaitu menyampuk.



Gambar 7: Merupakan proses yang keenam iaitu proses menghubungkan.




Gambar 8: Menunjukkan proses ketujuh iaitu menyolek.



Gambar 9: Menunjukkan proses yang terakhir iaitu proses menenun.



Gambar 10: Menunjukkan songket Terengganu yang sudah siap ditenun.



Gambar 11: Hasil tenunan songket daripada syarikat Wan Manang Songket Sdn Bhd.